



NOTIS PEMBERITAHUAN

KERJA-KERJA UNDI SESI 15/03/17

Adalah dimaklumkan bahawa Majlis Bandaraya Ipoh akan mengadakan cabutan undi bagi kerja-kerja undi pada **11 Oktober 2017 (Rabu)**.

Kategori kerja-kerja undi pada sesi ini adalah seperti berikut:-

Bil	Kategori	Kod Bidang
1.	Menurap Jalan & Membina Bonggol	CE 21
2.	Penyelenggaraan Pokok Teduhan	KKM 221402
	Penyelenggaraan & Penanaman Pokok Teduhan	

Syarat-syarat kelayakan bagi menyertai kerja-kerja undi adalah seperti berikut:-

- (a) Mempunyai **lesen KKM** (3 bulan sebelum tamat tempoh) **atau PKK** (3 bulan sebelum tamat tempoh) **dan CIDB** (60 hari sebelum tamat tempoh) yang **masih sah**.
- (b) **Tidak pernah mendapat tawaran kerja/perkhidmatan/pembekalan dalam tahun semasa (2017) dari pihak MBI.**
- (c) **Tidak mempunyai kerja semasa ketika pelaksanaan sesi kerja undi 15/03/17.**
- (d) **Tidak mempunyai kontrak tahunan dengan MBI bagi tahun 2017.**
- (e) **Tidak pernah mendapat kerja undi dalam tahun 2017.**
- (f) Setiap kontraktor/pembekal **hanya dibenarkan mendaftar penyertaan dibawah satu (1) kategori kerja-kerja undi sahaja.**
- (g) **Tiada mempunyai sebarang tunggakan (cukai taksiran/ kompaun/sewaan/semak samun) dengan MBI. Sekiranya tunggakan ini dijelaskan sebelum/pada hari mengundi, kontraktor/pembekal layak untuk menyertai kerja-kerja undi ini.**
- (h) **Wakil tidak dibenarkan untuk membuat cabutan pada hari mengundi.**
- (i) Kontraktor/pembekal yang telah **disenarai hitam oleh pihak CIDB/KKM/PKK/MBI** adalah **tidak dibenarkan** untuk mengambil bahagian dalam kerja-kerja undi ini.
- (j) Kontraktor/pembekal yang bertaraf **Bumiputera** sahaja layak menyertai kerja-kerja undi ini.

Sehubungan dengan itu, kontraktor/pembekal yang masih belum berdaftar dengan Majlis Bandaraya Ipoh sebagai kontraktor/pembekal MBI, adalah dikehendaki berdaftar terlebih dahulu dengan Majlis Bandaraya Ipoh dengan kadar RM50.00 (CIDB GRED G1), RM 30.00 (KEMENTERIAN KEWANGAN) bagi melayakkan untuk menyertai kerja-kerja undi. **Tiada pendaftaran** sebagai kontraktor/pembekal MBI pada tarikh **11 Oktober 2017 (Rabu)**.

KERJA-KERJA UNDI AKAN DIADAKAN SEPERTI BERIKUT :-

- TARIKH UNDI** : **11 OKTOBER 2017 (RABU)**
- MASA PENDAFTARAN** : **9.00 PAGI – 10.30 PAGI**
- TEMPAT** : **RUANG LEGAR BILIK GERAKAN,
TINGKAT 2,
IBU PEJABAT
MAJLIS BANDARAYA IPOH
30450 IPOH, PERAK**
- MASA CABUTAN UNDI** : **2.30 PETANG**
- TEMPAT** : **BILIK GERAKAN, TINGKAT 2,
IBU PEJABAT
MAJLIS BANDARAYA IPOH
30450 IPOH, PERAK**

Kontraktor - kontraktor yang ingin menyertai kerja-kerja undi ini hendaklah **hadir sendiri** pada tarikh pendaftaran dengan membawa bersama dokumen - dokumen asal dan sesalinan dokumen seperti berikut:-

- (a) Kad Pengenalan.
- (b) Sijil PKK (kerja-kerja undi, sebut harga dan perolehan dalam **Daerah Kinta sahaja**)
- (c) Sijil CIDB
- (d) Sijil Kewangan
- (e) Cop Syarikat
- (f) Sijil Pendaftaran Kontraktor/Pembekal MBI/resit pembayaran sebagai Kontraktor/Pembekal.
- (g) Surat Pendaftaran Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP) Jabatan Kastam DiRaja Malaysia

Hanya pegawai syarikat yang ditauliahkan seperti dalam **Sijil Pendaftaran KEMENTERIAN KEWANGAN MALAYSIA (KKM), PERAKUAN PENDAFTARAN KONTRAKTOR (PKK) DAN CIDB** sahaja yang dibenarkan menyertai kerja-kerja undi yang ditawarkan pada hari berkenaan. Bagi **mengelakkan kesesakan** semasa pendaftaran, kontraktor/pembekal hendaklah **hadir awal** dan membuat **semakan** serta **pembayaran tunggakan yang berkenaan**. Sebarang pendaftaran yang **lewat tidak akan dilayan**.

Laman web: www.mbi.gov.my

Sekian dimaklumkan, terima kasih.

Saya yang menurut perintah



(DATO' ZAMRI BIN MAN)
Datuk Bandar Ipoh